



SEBAHAGIAN daripada penuntut yang menyertai perhimpunan di UMS, pada Rabu.

Lebih 2,000 penuntut berhimpun desak PBB, OIC tangani segera konflik berdarah di Timur Tengah

KOTA KINABALU: Lebih 2,000 penuntut Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sabah dan politeknik mengadakan perhimpunan secara aman di sekitar UMS, dekat sini, pada Rabu sambil mendesak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dan Pertubuhan

Persidangan Islam (OIC) mengusahakan penyelesaian segera bagi konflik berdarah di Timur Tengah.

Presiden Persatuan Mahasiswa UMS, Mohamad Hussin Kamaruddin, yang bertindak sebagai jurucakap kumpulan penuntut itu berkata, sambutan terhadap perhimpunan itu adalah di luar dugaan.

"Kita juga berjaya memasang kain rentang sepanjang 360 meter bermula daripada bangunan perpustakaan UMS hingga ke dewan kuliah dengan slogan yang penuh kutukan daripada pelajar UMS dan kakitangan UMS yang tidak puas hati dengan kezaliman Israel," katanya.